

02/10/2002

Kerajaan akan perkenal dasar pertanian moden

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan memperkenalkan dasar baru dengan memberi tumpuan semula kepada industri pertanian, tetapi menggunakan pendekatan moden, termasuk menggalakkan penyertaan lulusan universiti.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pertanian cara lama yang diusahakan secara kecil-kecilan bukan saja tidak membantu meningkatkan taraf hidup petani, malah tidak banyak menyumbang kepada pendapatan negara.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata sudah tiba masa petani, penternak dan nelayan bersedia mengubah sikap dan menjalankan usaha sama termasuk mencantum ladang-ladang kecil untuk diuruskan secara profesional.

Katanya, peralihan semula kepada sektor pertanian bertujuan menjadikan petani sebagai pengurus syarikat-syarikat besar dengan menggunakan kepakaran pengurusan lulusan institusi pengajian tinggi.

"Negara kita dulu adalah negara pertanian dan kemudian kita beralih kepada perindustrian sehingga kita tak cukup pekerja dan dengan itu membenarkan pengambilan pekerja asing.

"Setelah berjaya menjadi negara industri, kini kita beralih balik kepada pertanian, tetapi bukan seperti dulu dengan menanam padi, buah-buahan, sawit, getah, koko atau kelapa secara kecil-kecilan yang memberi pendapatan tak seberapa.

"Sebaliknya, pertanian moden akan menggunakan teknologi dan pengeluaran secara moden. Dengan itu, anak petani yang mungkin tak minat lagi jadi petani setelah lulus universiti, boleh turut serta untuk menguruskan ladang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha) 2002 dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Pusat Pameran dan Persidangan The Mines dekat sini, hari ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan Anugerah Peladang, Penternak dan Nelayan Jaya. Beliau kemudian diiringi Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi, meluangkan masa kira-kira dua jam melihat pameran pelbagai produk pertanian dari seluruh negara yang turut dibuka kepada orang ramai sehingga Ahad ini.

Perdana Menteri berkata, mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan tidak akan dapat menampung sara hidup petani dan mereka akan kekal seperti pekerja lain yang makan gaji.

Beliau berkata, tidak ada sebab peladang, penternak dan nelayan harus hidup miskin kerana mereka mempunyai banyak peluang untuk meningkatkan pendapatan.

Malah, katanya, kerajaan akan mewujudkan program Satu Kampung Satu Industri yang menekankan aspek industri pemprosesan makanan dalam usaha meningkatkan pengeluaran makanan negara.

"Program itu, yang sama dengan pendekatan Satu Kampung Satu Produk, memerlukan peladang, penternak dan nelayan belajar cara baru bagi meningkatkan pengeluaran mereka.

"Walaupun dengan modal sedikit, tetapi disertakan kesanggupan bekerja kuat, mereka akan dapat meningkatkan pendapatan mereka. Dengan itu, masalah kemiskinan akan dapat diatasi sepenuhnya," katanya.

Dr Mahathir berkata peladang, penternak dan nelayan perlu mempertingkatkan kecekapan dalam bidang yang mereka ceburi bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi selaras dengan usaha menjadikan bidang

pertanian sebagai penyumbang ketiga kepada pembangunan negara.

Katanya, Bajet 2003 turut memberi tumpuan pada bidang pertanian dengan harapan supaya bidang itu dapat dipermodenkan dan diperbesarkan serta membabitkan golongan terlatih untuk turut bersama-sama membangunkan sektor berkenaan.